

# **TEKS UCAPAN**

**YANG BERHORMAT**

**DATO SERI SETIA**

**AWANG HAJI NAZMI BIN HAJI MOHAMAD**

**MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

## **MAJLIS PELANCARAN HARI MESRA PELANGGAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN 2023**

**TEMA:**

**MENJALIN KERJASAMA DENGAN MASYARAKAT**

**PADA HARI SABTU – ISNIN,**

**05 – 07 ZULHIJAH 1444 BERSAMAAN**

**24 -26 JUN 2023 BERTEMPAT**

**STADIUM TERTUTUP, KOMPLEKS SUKAN**

**NEGARA HASSANAL BOLKIAH**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

ALHAMDULILLAHI RABBIL 'ALAMIIN.  
WASSALATU WASSALAMU 'ALA  
ASYRAFIL ANBIAE WAL MURSALIIN,  
SAYYIDINA MUHAMMADIN,  
WA'ALAA AALIHI WA SAHBIHIE AJMA'IIN.

Yang Berhormat,

**Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara**

Yang Mulia,

**Setiausaha-Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan,  
Belia dan Sukan**

Yang Mulia,

**Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan,  
Belia dan Sukan**

Yang Mulia,

**Ketua-Ketua Jabatan, Pengarah-Pengarah, Pengarah-  
Pengarah Urusan, Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif,  
Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan,**

Yang Mulia,

**Penghulu-Penghulu Mukim & Ketua-Ketua Kampung,**

Yang Mulia,

**Pegawai-Pegawai Perhubungan Awam Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan, Para Jemputan Khas, Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.**

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH  
DAN SALAM SEJAHTERA**

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah subhanahu wa taala kerana dengan taufik dan izin-Nya jua, kita dapat sama-sama berkumpul dalam Majlis Pelancaran Hari Mesra Pelanggan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi tahun 2023.

Peramba / Kaola / Saya terlebih dahulu, sukacita merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih kepada Pengerusi Majlis serta seluruh Ahli Jawatankuasa Kerja kerana berkesudian menjemput peramba / kaola / saya hadir selaku Tetamu Kehormat dan seterusnya menyampaikan ucapan dan merasmikan majlis pada hari ini.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Organisasi-organisasi Perkhidmatan Awam, tidak terkecuali Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sememangnya memainkan peranan yang penting dalam menjana serta meningkatkan kemajuan dan kemakmuran negara. Tidak dinafikan bahawa kualiti penyampaian perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai masih mempunyai ruang untuk pembaikan. Keluhan dan sungutan yang dizahirkan 'pelanggan' berkaitan dengan mutu dan cara pemberian perkhidmatan memmanifestasikan harapan mereka untuk mendapatkan perkhidmatan pada tahap yang memuaskan, iaitu perkhidmatan yang cekap dan bermutu tinggi.

Walau bagaimanapun, peranan dan tugas memberikan perkhidmatan yang baik semakin mencabar dengan adanya perubahan iklim persekitaran yang dijana oleh arus permodenan dan ekspektasi pelanggan yang berterusan meningkat serta pihak-pihak berkepentingan (*stakeholders*) yang semakin bercita rasa sophisticated dan tinggi.

Dalam memenuhi ekspektasi tersebut, kita hendaklah bergerak seiring dengan tuntutan perubahan. Dalam hal ini, peramba / kaola / saya menyeru kepada warga kerja Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya agar dapat memberikan komitmen dan sentiasa meneroka ruang serta peluang dalam melaksanakan apa jua inisiatif ke arah penambahbaikan perkhidmatan-perkhidmatan di jabatan, bahagian dan unit masing-masing. Dalam erti kata yang lain, abiskita hendaklah sentiasa mengamalkan sikap keterbukaan, dan peka dengan perkembangan pantas teknologi informasi dan komunikasi masa kini.

Di samping itu, keperluan atau cita rasa pelanggan, pihak swasta, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan orang ramai juga perlu diambil perhatian kerana mereka ini menaruh harapan yang tinggi kepada kerajaan sebagai pemangkin kepada pembangunan negara. Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) hendaklah sentiasa dikemas kini dari masa ke semasa dengan meneliti semula secara terperinci melalui kaedah pengurusan atau amalan terbaik seperti *business process reengineering*, *change management* dan seumpamanya bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk masyarakat dan pihak-pihak berkepentingan.

Peramba / kaola / saya juga ingin menekankan mengenai kepentingan mewujudkan budaya organisasi yang mengutamakan integriti dan mendukung pelaksanaan urustadbir yang baik. Integriti merupakan nilai asas yang harus diperkukuhkan dan dipupuk dalam semua peringkat urustadbir. Ini adalah kerana integriti membentuk asas yang kukuh untuk kepercayaan awam, kestabilan organisasi dan pembangunan negara secara menyeluruh. Oleh itu, kita perlu sentiasa mematuhi prinsip – prinsip moral dan etika, mengamalkan prinsip – prinsip urustadbir yang telus, adil dan benar dalam setiap tindakan dan keputusan kita dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Alhamdulillah, Hari Mesra Pelanggan yang diadakan bermula pada hari ini merupakan antara upaya kementerian yang disuguhkan dalam memperkenalkan dan mengetengahkan kepada masyarakat mengenai inisiatif-inisiatif terbaharu dan terkini Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya menerusi pameran-pameran dan aktiviti-aktiviti lainnya. Semoga segala maklumat serta ilmu pengetahuan yang diraih melalui program seumpama ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua pihak.

Peramba / kaola / saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada anggota kerja Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya atas usaha, penyertaan, semangat, serta kesungguhan abiskita dalam menjayakan Hari Mesra Pelanggan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan 2023.

Peramba / kaola / saya berdoa semoga usaha-usaha dan sumbangan ikhlas daripada semua pihak akan membuahkan hasil yang baik serta dengan izin Allah subhanahu wa taala, akan sentiasa menjadi negara yang aman makmur dan mendapat keredaan-Nya jua selaras dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mengekalkan negara ini sebagai Negara 'Baldatun Tayyibatun Warrabbun Ghaffur'.

**Akhirnya, DENGAN KALIMAH  
BISMILLAHIRRAHMAANIRRAHIM, SELAWAT DAN SALAM  
KE ATAS JUNJUNGAN BESAR KITA NABI MUHAMMAD  
SALLAHU ALAIHI WASSALAM, DAN KAUM KERABAT,  
SERTA SAHABAT BAGINDA YANG TAAT LAGI SETIA, MAKA  
PERAMBA / KAOLA / SAYA DENGAN BERTAWAKAL KEPADA  
ALLAH SUBHANAHU WA TAALA JUA, DENGAN INI  
SUKACITA MERASMIKAN HARI MESRA PELANGGAN  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN DAN  
JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA BAGI TAHUN 2023.**

**Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu  
'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**